

TARIKH	20 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KURANG PAKAR, TEKNOLOGI SUKARKAN PROSES REE		
M/S	8 (NEGARA)	KATA KUNCI	REE
BIDANG	RARE EARTH		

Kurang pakar, teknologi sukarkan proses REE

DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengakui pembangunan industri nadir bumi (REE) negara tidak dapat dipercepatkan berikutan beberapa kekangan termasuk ketiadaan kepakaran dan teknologi berkaitan sumber berkenaan.

Pemangku Menteri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, meskipun Malaysia mempunyai sumber REE yang signifikan, kekangan itu menyebabkan Malaysia masih bergantung kepada teknologi luar.

Sebagai contoh katanya, perlombongan REE pertama di Kening, Perak dilaksanakan melalui kerjasama MCRE Resources Sdn. Bhd., sebuah syarikat dari China, sementara kerja pemrosesan pula, Lynas Rare Earths Ltd (Lynas) membawa REE dari Australia dan memprosesnya di



JOHARI memaklumkan strategi pembangunan industri nadir bumi akan dilaksanakan secara berfasa sehingga 2030.

Pahang.

“Kekangan kedua, Malaysia juga masih belum mempunyai loji pemprosesan yang mampu memisahkan unsur REE bernilai tinggi secara komersial.

“Pada masa ini, rantaian nilai global untuk pemprosesan dan pemisahan REE didominasi oleh China termasuk kawalan terha-

dap eksport teknologinya.

“Kekangan ini menyukarkan Malaysia membangunkan keseluruhan rantaian nilai daripada pelombongan, pemprosesan hingga penghasilan produk nilai tambah,” katanya menjawab pertanyaan Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (**PN-Kubang Pasu**) mengenai cabaran di-

hadapi dalam membangun dan memajukan industri REE negara serta perancangan kerajaan dalam mengatasi permasalahan itu semalam.

Johari menambah, masalah ketiga adalah negara berdepan kekurangan data yang komprehensif berhubung lokasi, kuantiti, gred dan juga status guna tanah sumber REE.

“Anggaran awal REE oleh Jabatan Mineral dan Galian (JMG) masih pada peringkat sumber ‘inferred resource’ dan memerlukan kajian terperinci lanjutan bagi menentukan jumlah sebenar yang boleh dilombong secara ekonomi dan lestari,” katanya.

Mengulas lanjut, Johari memaklumkan strategi pembangunan industri nadir bumi akan dilaksanakan secara berfasa merangkumi perancangan jangka pendek (2025-2027), jangka sederhana (2027-2030) dan jangka panjang selepas 2030.

“Pada masa jangka pendek, dasar moratorium pengeksporatan mentah hari ini dikekalkan bagi menggalakkan pelaburan dan juga loji penyulenan, pemisahan serta penghasilan produk bernilai tambah dalam negara,” katanya.